

**SYARAT-SYARAT PENYEWAAN KANTIN DI IBU PEJABAT**

**MAJLIS BANDARAYA IPOH, GREENTOWN**

**NO. FAIL: MBI.C2/2/6.7/11**

1. Menyediakan (pelbagai menu halal) masakan bergoreng, masakan berlauk dan minuman bagi menepati citarasa pelbagai bangsa adalah diberi keutamaan.
2. Menyediakan menu halal dengan harga yang berpatutan dan munasabah. Pengusaha dikehendaki memaparkan senarai harga untuk tatapan awam
3. Menyediakan makanan pagi, tengahari dan petang dengan waktu operasi mulai 7.00 pagi sehingga 4.00 petang.
4. Konsep yang dicadangkan adalah secara layan diri atau 'ala-carte' atau kedua-duanya.
5. Bersedia menerima tempahan dan membekal makanan / minuman untuk jamuan / mesyuarat-mesyuarat Majlis
6. Bil air dan elektrik ditanggung penyewa (keseluruhan kantin).
7. Segala bentuk pemanasan / memasak hanyalah diruang dapur sahaja.
8. Penyewa dikehendaki memiliki lesen dan lain-lain yang disyaratkan oleh Majlis. Bayaran lesen perniagaan dijelaskan sebelum perniagaan bermula.
9. Mematuhi syarat-syarat kebersihan dan kesihatan yang ditetapkan oleh Jabatan Kesihatan, MBI
10. Tempoh penyewaan adalah satu (1) tahun dengan opsiyen penyambungan selama satu (1) tahun.
11. Tiada kiosk (sublet) boleh ditempatkan di ruang makan tetapi mesin layan diri dibenarkan di atas persetujuan Majlis.
12. Kebersihan dan pencucian ruang makan adalah tanggungjawab pengusaha.
13. Kawasan di dalam bangunan kantin adalah zon larangan merokok.
14. Sebarang kerja-kerja ubahsuai / penambahbaikan tidak boleh dilakukan kecuali mendapat kelulusan daripada Majlis.
15. Larangan penggunaan polisterin dan plastik semasa penjualan sebagai sebahagian usaha mengurangkan penggunaan bahan yang memberi kesan kepada alam sekitar kerana sukar diurai / dikitar semula.
16. Mematuhi lain-lain syarat yang ditetapkan oleh Majlis dari masa ke semasa.